

29/05/2003

Selaput dara mangsa rogol koyak: Pakar

KOTA KINABALU: Seorang pakar perubatan Hospital Queen Elizabeth memberitahu Mahkamah Sesyen di sini, semalam, pemeriksaan faraj seorang remaja perempuan 13 tahun yang mendakwa dirogol tahun lalu, mendapati selaput daranya koyak.

Perunding Kanan Perubatan Perbidanan dan Sakit Puan, Dr Soon Ruey, berkata pemeriksaannya pada 18 Disember tahun lalu, mendapati selaput dara

remaja itu koyak lebih seminggu.

"Selaput faraj itu boleh koyak akibat melakukan hubungan seks dan memasukkan jari serta benda lain. Bagaimanapun saya tidak menjumpai sebarang jangkitan serta kecederaan di bahagian dubur," katanya.

Beliau berkata demikian ketika memberi keterangan dalam kes perbicaraan

kes dua anggota Batalion Ke-16 Pasukan Gerakan Am (PGA) yang dituduh merogol gadis itu di Pusat Tahanan Sementara Menggatal dekat sini.

Ahmad Nazri Zainurddin, 33, dan Mohd Fauzee Yahya, 34, kedua-duanya dari

Perak, didakwa melakukan perbuatan itu di Blok G, pusat tahanan berkenaan

antara 27 Julai dan 16 Ogos, tahun lalu.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan yang jika sabit kesalahan boleh membawa hukuman maksimum penjara 20 tahun dan sebatan.

Kedua-dua tertuduh dihadapkan ke mahkamah pada 28 Februari lalu, tetapi

tidak mengaku bersalah. Mereka juga sudah digantung kerja sejak 15 Januari

lalu.

Perbicaraan diadakan di hadapan Hakim Datuk Nurchaya Arshad manakala pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Mohd Dusuki Mokhtar dan Noorin Badaruddin. Ahmad Nazri diwakili oleh James Tsai manakala Mohd Fauzee oleh Cedric Choo.

Seorang lagi saksi yang juga bapa gadis itu, Stanislaus Chong @ Ahmad Chong, 74, memberitahu Mahkamah Sesyen, beliau hanya dimaklumkan mengenai

kes itu selepas anaknya dihantar pulang dari Manila.

Beliau yang cacat penglihatan sejak 1988, memaklumkan mengetahui kes itu

melalui Presiden Parti Maju Sabah (SAPP), Datuk Yong Teck Lee, dengan menunjukkan laporan akhbar kepadanya.

Katanya, gadis itu tinggal bersama beliau sehingga usianya empat tahun,

sebelum berpindah dan terus menetap dengan keluarga isterinya di Kampung Pondo, Pulau Gaya dekat sini.

"Dia hanya datang sekejap-sekejap (sesekali) berjumpa saya," katanya.

Mahkamah turut meminta Chong membuat pengesanan terhadap gadis bawah umur itu melalui suara dan mengesahkan dia adalah anak perempuannya.

Nurchaya sebelum ini turut membenarkan permohonan pendakwa mengikut Seksyen 15 Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 supaya nama dan identiti

mangsa tidak didedahkan.

Kes ini mencetuskan kontroversi dan perbalahan diplomatik antara Kuala Lumpur dan Manila, kerana pada mulanya mangsa didakwa warga Filipina dan dihantar pulang ke negara itu.

Berikutan itu, Presiden Gloria Arroyo Macapagal, mengutus surat bantahan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengenai kes rogol itu serta layanan buruk diberi kepada pendatang tanpa izin dari negaranya.

Bagaimanapun, hasil ujian Asid Deoksiribonukleik (DNA) mengesahkan gadis itu adalah rakyat Malaysia.

Bapanya adalah penduduk Sabah manakala ibunya warga Filipina. Gadis itu kemudian dihantar pulang ke Kota Kinabalu pada 9 Disember tahun lalu, selepas hampir dua bulan diletakkan dalam jagaan Jabatan Kebajikan dan Sosial Filipina.

Perbicaraan disambung hari ini.